

**SUSULAN PELOMBONG BAUKSIT  
LANGGAR ARAHAN MORATORIUM**

BH. 3/8/2017, ms. 1

**PEMANGKU RAJA  
PAHANG KECEWA,  
MAHU TINDAKAN TEGAS** Ms.17



# 10 ditahan sekongkol dengan pelombong



Suspek membabitkan 9 kakitangan Pejabat Tanah dan Galian Pahang, seorang pegawai kanan kastam ditahan SPRM dalam beberapa operasi kerana disyaki lindungi pelombong haram dan benarkan bauksit dieksport tanpa kebenaran → **Ms.16, 17**

## Info

**Moratorium perlombongan bauksit**

→ **Moratorium perlombongan**  
bauksit dilaksanakan mulai 15 Januari tahun lalu selama tiga bulan, manakala pengeluaran permit eksport (AP) untuknya dibekukan.  
→ **Moratorium sudah** dilanjutkan tujuh kali sejak itu.  
→ **Kali pertama** 15 Januari-14 April

2016; kedua, 15 April-14 Julai; ketiga, 15 Julai-14 September; keempat, 15 September-31 Disember; kelima, 1 Januari-31 Mac 2017; keenam 1 April-31 Jun; ketujuh 1 Julai-31 Disember 2017.  
→ **Moratorium atau**  
penggantungan sementara secara persetujuan bersama bagi


membolehkan pelan tindakan penyelesaian pencemaran dapat dilaksanakan.

→ **Sepanjang moratorium,**  
semua stok simpanan bauksit di Pelabuhan Kuantan perlu dieksport dan membersihkan pencemaran akibat lambakan stok mineral itu.



Kami telah memantau kegiatan sindiket ini sejak beberapa bulan yang lalu. Selepas mengumpul maklumat hasil risikan pegawai, kami telah melancarkan operasi sejak malam semalam (kelmarin)

**Ahmad Khusairi Yahya,  
Pengarah Bahagian  
Perisikan SPRM**



# Pegawai kanan kastam, sembilan kakitangan PTG Pahang ditahan

BH. 3/8/2017, ms. 16

→ Suspek disyaki bersekongkol dengan pelombong bauksit haram

**Oleh Ilah Hafiz Aziz**  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mewujudkan 10 kakitangan kerajaan, termasuk seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Pahang.

Turut ditahan, sembilan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang. Semua mereka ditahan dalam beberapa operasi sejak tengah malam kelmarin.

Ada antara mereka ditahan kerana melindungi kegiatan perlombongan haram, manakala yang lain membenarkan bahan mineral itu dieksport tanpa kebenaran.

SPRM melancarkan operasi besar-besaran untuk membanteras kegiatan perlombongan bauksit secara haram susulan pembongkaran dibuat BH, semalam.

#### Serbu pejabat PTG Pahang

Dalam tangkapan pertama, SPRM menahan pegawai kanan kastam berpangkat penolong pengaroh berusia 56 tahun di Kuantan pada jam 12.15 tengah malam kelmarin dan dia direman selama tujuh hari bermula semalam.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman di Mahkamah Majistret Kuantan, pagi semalam.

Sembilan kakitangan PTG Pahang yang berusia 29 hingga 59 tahun pula ditahan di sekitar Kuantan di antara jam 3.30 dan 3.45 petang semalam.

Dalam operasi itu, SPRM turut


menyerbu pejabat PTG Pahang, pejabat JKDM Pahang dan Pelabuhan Kuantan serta merampas beberapa dokumen berkaitan siatasan.

Selain itu, SPRM turut menyita 18 lori yang sedang mengangkut bauksit dari lombong haram di sekitar Bukit Goh dan Bukit Sagu tengah malam kelmarin dan awal pagi semalam.

Operasi SPRM mendapati aktiviti perlombongan secara haram masih berlaku walaupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta kerajaan negeri telah melaksanakan moratorium sejak Januari tahun lalu dan dilanjutkan sehingga sekarang.

Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan rampasan, berkata pihaknya telah memantau kegiatan sindiket ini sejak beberapa bulan yang lalu.

“Selepas mengumpul maklumat hasil risikan pegawai, kami telah melancarkan operasi sejak malam semalam (kelmarin),” katanya.



SPRM menjalankan operasi berkaitan bauksit di sekitar Kuantan malam tadi

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]



Tinjauan mendapati tiada sebarang aktiviti memunggah bauksit dikesan di ladang kelapa sawit sekitar FELDA Bukit Goh, Kuantan, semalam.



Pihak berkuasa juga sepatutnya memantau supaya tidak ada pihak melanggar peraturan itu sepanjang pelaksanaan moratorium berkenaan"

**Tengku Abdullah  
Sultan Ahmad Shah,  
Pemangku Raja Pahang**

# Pemangku Raja Pahang kecewa

BH · 3/8/2017, ms. 17

→ Tengku Abdullah mahu kerajaan, pihak berkuasa ambil tindakan tegas

**Oleh Sariha Mohd Ali**  
sariha@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**emangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, kecewa dengan tindakan pelombong bauksit haram yang melanggar moratorium perlombongan bahan mineral itu seperti ditetapkan kerajaan.

Berikut itu, baginda mahu kerajaan dan pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap piyah terbabit.

Baginda juga mahu pihak berkuasa memantau kegiatan itu bagi memastikan pelombong terbabit menghentikan segera aktiviti haram selagi perintah moratorium yang

dikuatkuasakan sejak 15 Januari tahun lalu itu terus berkuat kuasa.

"Semua pihak sepatutnya menghormati moratorium dikeluarkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar .....kecuali syarikat yang diberi permit khas untuk menghabiskan stok bauksit yang ada (di Pelabuhan Kuantan).

#### Pantau tak langgar peraturan

"Pihak berkuasa juga sepatutnya memantau supaya tidak ada pihak melanggar peraturan itu sepanjang pelaksanaan moratorium berkenaan."

"Saya kecewa dengan apa yang berlaku dan berharap kegiatan ini dihentikan segera," katanya kepada BH, semalam.

BH dalam laporan muka depan-

nya semalam mendedahkan perlombongan mineral di Kuantan kembali melakukan kegiatan itu secara haram dengan alasan mengeluarkan stok sedia ada walaupun tempoh moratorium masih berkuat kuasa.

Malah, mereka juga menggunakan khidmat tonto bagi melindungi kawasan perlombongan.

#### Gagal capai matlamat

Penduduk yang ditemui BH juga mendedahkan kegiatan perlombongan bauksit tidak pernah berhenti, yang membuktikan pelaksanaan moratorium sejak lebih setahun lalu itu gagal mencapai matlamat untuk menghabiskan stok yang ada.

Mengikut maklumat diperoleh

daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, ketika moratorium dilaksanakan, simpanan bauksit berjumlah 5.4 juta tan, tetapi sehingga 8 Jun lalu, sejumlah 5.8 juta tan bauksit sudah dikirim melalui Pelabuhan Kuantan dan Kemaman, Terengganu.

Ia jelas menunjukkan kegiatan perlombongan haram masih berterusan walaupun selepas moratorium dilaksanakan.

Intipan BH sejak beberapa minggu lagi mendapati lori dengan muatan bauksit beroperasi seperti biasa melalui ladang kelapa sawit sekitar FELDA Bukit Goh, sebelum memasuki Lebuhraya Pantai Timur (LPT) di antara laluan Jabor menghala ke susur keluar Plaza Tol Kuantan.

# Aktiviti lori henti selepas kegiatan haram terbongkar

**Kuantan:** Tiada lagi lori mengangkut bauksit di daerah ini, semalam, dipercayai selepas pendekaran dibuat BH mengenai kegiatan perlombongan mineral itu secara haram berhampiran susur keluar Lebuhraya Pantai Timur 2, dekat Jabor dan sekitar FELDA Bukit Goh di sini.

Tinjauan semula di lokasi yang sebelum ini lori membawa muatan bauksit beroperasi melalui ladang kelapa sawit sekitar FELDA Bukit Goh, sebelum memasuki Lebuhraya Pantai Timur (LPT) mendapati tiada aktiviti memunggah dan mengangkut bauksit.

Pergerakan lori yang sebelum

ini banyak dilaporkan menggunakan laluan dalam ladang kelapa sawit juga tidak kelihatan, manakala laluan bersebelahan LPT dekat susur keluar Jabor yang sebelum ini menjadi lokasi lori bauksit berkumpul sebelum menuju ke Pelabuhan Kuantan juga lengang.

Penduduk yang ditemui juga mengakui mereka tidak nampak lori keluar atau masuk ke kawasan ladang kelapa sawit sekitar kawasan FELDA Bukit Goh, sejak semalam.

#### Harap terus dihentikan

Seorang penduduk FELDA Bukit Goh yang hanya mahu dikenali sebagai Azmi, berkata sejak pagi semalam, mereka tidak nampak kehadiran lori di kawasan itu.

"Biasanya ada lori yang menggunakan laluan ini pada sebelah pagi... selalunya sekitar jam 9.30 pagi sudah ada lori, tetapi hari ini belum nampak lagi."

"Mungkin mereka menghentikan seketika aktiviti (memunggah) berikutnya ada laporan dalam BH."

Ini sama macam dulu juga, masa mula-mula kerajaan haramkan (moratorium) perlombongan bauksit. Saya harap, kalau boleh hentikan terus," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang peniaga yang enggan dikenali, berkata kegiatan memunggah bauksit sudah tidak berjalan sejak petang kelmarin.

"Rasanya dua hari tidak nampak (lori) di kawasan ini... saya tidak tahu pula jika mereka guna laluan lain."

"Mengenai bauksit ini, ada yang setuju (moratorium) dan ada juga yang tidak setuju... penduduk di FELDA Bukit Goh pun ada yang dapat manfaat apabila tanah mereka ditawarkan oleh pengusaha bauksit," katanya.